

### Menteri- Menteri Luar Malaysia



31 Ogos 1957 - 2 Feb. 1959  
Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj

3 Feb. 1959 - 31 Ogos 1960  
Tun Dr. Ismail Abdul Rahman

1 Sept. 1960 - 22 Sept. 1970  
Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj

23 Sept. 1970 - 12 Ogos 1975  
Tun Abdul Razak Hussein

13 Ogos 1975 - 16 Julai 1981  
Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail

17 Julai 1981 - 16 Julai 1984  
Tan Sri Dr. Mohd Ghazali Shafie

17 Julai 1984 - 10 Ogos 1986  
Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail

11 Ogos 1986 - 7 Mei 1987  
Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim

20 Mei 1987 - 15 Mac 1991  
Datuk Seri Abu Hassan Omar

16 Mac 1991 - 10 Jan. 1999  
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

11 Jan. 1999 - sekarang  
Datuk Seri Syed Hamid Albar

# SYED HAMID ALBAR TURNS 63 ON JANUARY 19, 2007

Oleh : Pemberita ERA BARU

Era Baru - 2014/2007

Penerbit/Ketua Pengarang ERA BARU, Datuk Idris Tulis bergambar kenangan bersama Dato' Syed Hamid dan Dato' Khalid Mohamad, dari Utusan Melayu dan Dato' Seri Rastam Mohd Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.



**MENJADI** Menteri Luar sejak bulan Januari, 1999, Dato' Seri Syed Hamid Syed Albar telah menyambut Hari Kelahirannya yang ke 63 pada 19 Januari 2007 lalu.

Beliau telah diraikan oleh pegawai-pegawai kanan dari Wisma Putra dan beberapa orang media massa disebuah hotel di Bandaraya pada hari tersebut.

Syed Hamid adalah Menteri Luar yang terlama berkhidmat di Kementerian Luar selepas almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-haj yang juga Perdana Menteri Pertama. Sebelum itu Syed Hamid berkhidmat sebagai Menteri Pertahanan. Kini selain dari memegang jawatan sebagai Menteri Luar, Syed Hamid juga adalah Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Ketua UMNO Bahagian Kota Tinggi, Johor.

Sementara itu, Syed Hamid telah memberitahu dalam temu bualnya dengan se buah akhbar tempatan tentang pengalamannya yang sangat mencabar iaitu apa bila beliau terpaksa mengambil tempat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun), untuk menyampaikan ucapan di meja bulat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dikala mana beliau berhadapan dengan beberapa Presiden dan Perdana Menteri dari 14 buah Negara, dan beliau seorang sahaja yang berpangkat menteri. Justeru, beliau diberi giliran berucap di akhir sekali sebagai anggota tidak tetap.

Pada mulanya Syed Hamid berasa begitu gementar untuk menyampaikan ucapan kerana semua mata tertumpu kepada beliau seorang. Apapun, beliau berasa lega apabila Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, menunjukkan tanda bagus kepada Syed Hamid selepas itu. Dan apa bila bertemu dan bersalaman dengan Clinton dimajlis koktel kemudiannya, Clinton telah memberi pujian kepada Syed Hamid dengan berkata "you did well as it is not easy to be the last speaker."


Diantara ketua-ketua Negara asing yang hadir di majlis tersebut selain Presiden Bill Clinton ialah Perdana Menteri Britain, Tony Blair, Presiden Rusia, Vladimir Putin dan China.

Ini adalah salah satu dari pengalaman manis Syed Hamid ketika berada di bawah pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad.


P.S:

ERA BARU ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Seri Syed Hamid yang menyambut hari kelahirannya yang ke 63 dan diatas kepimpinannya yang berjaya memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia melalui dasar-dasar luar Malaysia bagi mempertahankan kedaulatan dan pendirian negara ini di mata dunia.

< Bekas-bekas Menteri Luar Negeri sejak 1957 iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.



Syed Hamid memotong kek dihari kelahirannya yang ke 63 sambil diperhatikan oleh seorang pegawai Wisma Putra.



> Syed Hamid ketika berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York.

KEPIMPINAN PERDANA